

E-BULETIN  
EDISI  
2023



Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# **PROGRAM EKSPO SELANGKAH KE UITM 2023 BAGI PERINGKAT UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

Pada tarikh 27 Mei 2023 hingga 28 Mei 2023, hari Sabtu dan Ahad, bermula pada pukul sembilan pagi sehingga pukul empat petang, telah diadakan program Ekspo Selangkah ke UiTM 2023 bagi Peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program selama dua hari ini telah diadakan dengan jayanya di Pusat Kegiatan Pelajar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Ekspo Selangkah ke UiTM 2023 merupakan jenama (*branding*) UiTM dan diadakan bertujuan untuk mempromosikan UiTM kepada masyarakat sekitar terutamanya pelajar-pelajar lepasan SPM, STPM dan Matrikulasi. tentang kursus-kursus di peringkat pra diploma, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah yang sedang ditawarkan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan secara khususnya dan di UiTM seluruh Malaysia secara amnya. Ekspo ini juga bertujuan memberi maklumat kepada pengunjung tentang peluang-peluang pekerjaan yang boleh pelajar ceburi selepas menamatkan pengajian di UiTM.

Sehubungan dengan itu, ekspo ini merupakan salah satu wadah terbaik untuk UiTM menerangkan secara terperinci kepada para bakal pelajar tentang nama-nama kursus pengajian yang ditawarkan, syarat-syarat kelayakan untuk memohon mengikuti sesuatu kursus pengajian, mata pelajaran-mata pelajaran yang akan dipelajari dan peluang kerjaya yang boleh diterokai selepas menamatkan pengajian di UiTM.

Seramai lapan orang pensyarah daripada PSM-KPPIM, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah bertugas mewakili pusat pengajian dalam program ekspo ini. Pensyarah-pensyarah tersebut ialah Profesor Madya Dr Masitah Binti Ahmad, Puan Faddliza Binti Mohd Zaki, Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli, Cik Norhashimah Binti Hashim, Puan Izzatil Husna Binti Arshad, Dr Zahril Shahida Binti Ahmad, Encik Aiman Mudzafar Bin Mohamad Khairi dan Dr Ida Nadia Binti Mohamad Bahtiar.

Para pensyarah telah diberikan dua sesi untuk bertugas sepanjang ekso selama dua hari itu, iaitu sesi pagi bermula pukul 9 pagi sehingga 1 petang dan sesi petang bermula pukul 2 petang sehingga 4 petang. Meja kaunter program ekspo untuk PSM-KPPIM, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah ditempatkan di Makmal Bahasa 2, Tingkat Tiga, Pusat Kegiatan Pelajar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan,

*Ahmad Azman Bin  
Mohamad Ramli, PM Dr.  
Masitah Binti Ahmad,  
Faddliza Binti Mohd Zaki,  
Norhashimah Binti Hashim,  
Izzatil Husna Binti Arshad,  
Dr. Zahril Shahida Binti  
Ahmad, Aiman Mudzafar  
Bin Mohamad Khairi &Dr.  
Ida Nadia Binti Mohamad  
Bahtiar*

*Pengajian Maklumat, Kolej  
Pengajian Pengkomputeran,  
Informatik dan Media  
  
UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan Kampus Rembau*

Kampus Seremban. Para petugas telah diberikan dokumen-dokumen promosi, peralatan kerusi meja, kad petugas, bunting bagi membantu melancarkan program ekspo ini. Para petugas juga telah disediakan sarapan pagi dan makan tengah hari percuma sepanjang tempoh ekspo berlangsung.



Poster Infografik Program Ekspo Selangkah ke UiTM 2023



Pensyarah bertugas sedang melayani pengunjung program ekspo

Kesimpulannya, program ekspo selama dua hari ini dilihat telah berjaya mempromosi kursus-kursus di peringkat pra diploma, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah yang sedang ditawar oleh PSM-KPPIM, UiTM kepada para pengunjung. Semoga usaha murni para pensyarah menyumbang tenaga menjayakan program ekspo ini diberkati Allah dan PSM-KPPIM, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau terus maju jaya pada masa kini dan masa depan.